

UM 18/8/06 (msg)

# Saya tidak tertekan – Nori

PETALING JAYA 17 Ogos – “Saya anggap semua isu atau dakwaan terhadap suami saya (Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin) perkara biasa malah saya tidak merasa apa-apa, tertekan pun tidak.”

Itulah reaksi anak Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan juga Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah sewaktu ditanya pemberita berhubung pelbagai isu dan khabar angin mengaitkan suaminya sejak kebelakangan ini.

Khabar angin itu timbul termasuk dakwaan mengatakan Khairy telah berkahwin dengan pelakon dan penyanyi, Maya Karin.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, kata Nori, beliau tidak merasa apa-apa atau tertekan dengan pelbagai isu yang dilemparkan terhadap suaminya.

Malah katanya, mereka sekeluarga tetap rapat seperti biasa dan tidak ada apa-apa yang berlaku.

“Kami sekeluarga memang rapat,” katanya sewaktu ditemui selepas melancarkan Pertandingan Mencipta Motif (corak songket) Seri Endon di Seri Pentas TV3 di sini, hari ini.

Isu dan pelbagai tuduhan terhadap Khairy bermula awal bulan ini termasuk dakwaan beliau campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan dan isu pembelian saham ECM-Libra.

Sementara itu, mengulas mengenai pengumuman Pertandingan Mencipta Motif Seri Endon anjuran TV3, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan kerajaan Negeri Terengganu, Nori berkata, usaha tersebut merupakan kesinambungan daripada pelbagai program meningkatkan pencapaian songket sejak tahun lalu.

“Cuma tahun ini, kita lebih mempelbagaikan usaha termasuk mencari bakat baru bagi menghasilkan motif khas untuk ditujukan buat ibu saya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood.

“Sempena dengan itu juga, kerajaan negeri Terengganu akan membina Kompleks Songket bernilai RM1 juta dikenali sebagai Perkampungan Songket, Batik dan Tenuan di Kuala Terengganu bagi memaparkan semua hasil tangan songket termasuk pemenang yang berjaya menghasilkan motif Sri Endon,” kata beliau.